

26/11/2001

Malaysia tidak dakwa Misuari (HL)

Kadir Dikoh; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Ahad - Malaysia mungkin tidak akan mendakwa Nur Misuari, walaupun Presiden Gloria Arroyo mahu Malaysia menyiasat bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao itu terlebih dulu kerana melanggar undang-undang negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Misuari yang ditahan di Pulau Jampiras, Sandakan, awal pagi semalam kerana memasuki negara ini secara haram akan diserahkan kepada Kerajaan Filipina.

"Kita akan menghantarnya pulang, jadi tidak perlu dia didakwa. Bagaimanapun, perkara ini bergantung kepada hasil siasatan polis sebelum sebarang tindakan lanjut diambil," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, pagi ini.

Abdullah berada di sini sejak semalam bagi merasmikan Kongres Tahunan Parti Liberal Demokratik (LDP) ke-12 dan menemui jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Sabah.

Ditanya bila Misuari akan dihantar pulang, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan masih belum menetapkan bila masanya kerana beliau sendiri belum diberi taklimat mengenai penyerahan itu.

Misuari yang ditahan polis Malaysia kira-kira jam 3.30 pagi semalam di Pulau Jampiras kira-kira 30 minit perjalanan bot dari bandar Sandakan, dikehendaki pihak berkuasa Filipina kerana melancarkan perang terhadap Manila di Jolo, bersama pengikutnya.

Agensi berita AFP hari ini memetik Arroyo sebagai berkata, beliau mahu Misuari kekal dalam penjara di Malaysia sementara menunggu dibicara, daripada menghantarnya pulang ke Manila.

Beliau dilaporkan berkata, biar Malaysia menyiasat Misuari terlebih dahulu kerana melanggar undang-undang negara ini.

"Saya yakin siasatan itu akan mengambil masa. Malaysia akan mengendalikannya, tetapi secara peribadi, saya mahu dia tinggal di penjara Malaysia," kata Arroyo.

Mengenai kemungkinan pengikutnya di Sabah yang bersimpati akan bertindak membalas dendam terhadap penangkapan itu, Abdullah berkata: "Saya tidak mahu membuat sebarang spekulasi mengenai perkara itu."

Katanya, tindakan pihak berkuasa Malaysia menahan Misuari kerana itu cara terbaik untuk dilakukan.

Kemungkinan kejayaan Malaysia menahan Misuari akan meningkatkan hubungan Kuala Lumpur dan Manila, Abdullah berkata, Malaysia tidak mengharapkan apa-apa berhubung penangkapan itu.

"Ia terpulang kepada Filipina untuk memikirkannya... kita telah melaksanakan permintaan Filipina untuk bekerjasama dalam mengatasi masalah berkaitan Misuari," katanya.

Abdullah berkata, apa yang penting Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memutuskan untuk bekerjasama dengan Filipina bagi menghantar pulang Misuari sekiranya memasuki negara ini.

Ketika ditanya sama ada Misuari ditahan di Kota Kinabalu atau Kuala Lumpur, Abdullah berkata: "Saya tidak tahu."

Di KUALA LUMPUR, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Misuari perlu dihantar segera ke Manila, tanpa perlu didakwa, dibicara atau dipenjarakan di negara ini.

Beliau berkata, Misuari yang kini menjadi buruan Kerajaan Filipina, cuma

mencabul undang-undang Imigresen Malaysia iaitu kesalahan kecil yang sering dilakukan ribuan pendatang tanpa izin.

"Saya rasa dia lebih diperlukan di Manila dan seperti pendatang tanpa izin lain, Misuari boleh dihantar balik. Malaysia boleh mengetepikan pelanggaran undang-undang negara ini oleh Misuari kerana dia lebih diperlukan oleh Kerajaan Filipina yang memburunya.

"Oleh itu, kita tidak perlu menyimpan dia lama-lama di sini kerana ia boleh menimbulkan soal keselamatan dan masalah lain yang mungkin timbul kemudian," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Bagaimanapun, Rais hairan dengan kenyataan pemimpin Filipina itu dan mengesyaki kemungkinan Manila ada muslihat politik mahukan Misuari tinggal di penjara Malaysia.

"Paling lama polis boleh tahan Misuari ialah 14 hari mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah dan kemudian dihadapkan ke mahkamah. Tetapi siasatan kes ini tidak perlu memakan masa lama kerana dia cuma masuk Malaysia secara tidak sah.

"Sama ada untuk mendakwa Misuari di mahkamah atau tidak, itu terpulang kepada pendakwa raya atau peguam negara. Tetapi kesalahannya mudah saja. Jalan mudah ialah menghantarnya pulang," katanya.

Sementara itu, Duta Filipina ke Malaysia, Jose Brillantes, ketika dihubungi berkata pihaknya belum membuat permintaan secara rasmi kepada pihak berkuasa negara ini mengenai kemungkinan Misuari dihantar segera ke Manila.

Malah, katanya, beliau juga tidak mendapat sebarang maklumat lanjut daripada kerajaan negara ini mengenai Misuari, termasuk di mana dia berada sekarang.

Laporan lain dari Manila hari ini memetik penasihat keamanan Presiden, Eduardo Ermita sebagai berkata, Misuari akan menghadapi tuduhan memberontak di mahkamah negara itu berikutan tindakan mengisytihar perang di Pulau Jolo minggu lalu sehingga menyebabkan lebih 160 orang terbunuh.

"Arahan istana presiden ialah untuk meminta dia (Misuari) dibawa ke sini. Tetapi kita akan menghormati hak pihak berkuasa Malaysia untuk menjalankan penyiasatan mereka sendiri," kata Ermita.

(END)